

PEMERKASAAN PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA ARAB MELALUI KEPELBAGAIAN BENTUK TUGASAN BAHASA

***EMPOWERING ARABIC VOCABULARY LEARNING THROUGH VARIOUS TYPES
OF LANGUAGE TASK***

Nadiah Abd Rahim¹, Nadhilah Abdul Pisal^{2*}

¹ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Kampus Arau, Perlis, Malaysia
Email: nadiahabdrahimofficial@gmail.com

² Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Kampus Arau, Perlis, Malaysia
Email: nadhilah@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 21.07.2024

Revised date: 18.08.2022

Accepted date: 19.09.2024

Published date: 30.09.2024

To cite this document:

Abd Rahim, N., & Abdul Pisal, N. (2024). Pemerkasaan Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Melalui Kepelbagaiannya Bentuk Tugasan Bahasa. *International Journal of Modern Education*, 6 (22), 575-587.

DOI: 10.35631/IJMOE.622039

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Pendidikan bahasa Arab kini telah melalui peralihan daripada pendekatan pembelajaran dan pengajaran (PdP) berpusatkan guru kepada pendekatan berpusatkan pelajar. Pendekatan ini mendorong kepada pembelajaran aktif yang menggalakkan interaksi dan penglibatan pelajar secara langsung melalui tugasan yang diberikan dalam bilik darjah. Tugasan merupakan salah satu kaedah efektif yang boleh digunakan untuk menggalakkan pembelajaran kendiri dan penggunaan bahasa dalam konteks yang sebenar di dalam bilik darjah, serta memberi kesan yang positif terhadap penguasaan bahasa individu. Adapun begitu, isu-isu seperti penguasaan kosa kata yang lemah, pembelajaran yang terhad di dalam bilik darjah, kebergantungan yang tinggi kepada arahan guru masih didapati dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab, malah perbincangan pendekatan tugasannya dalam pembelajaran kosa kata Arab di Malaysia masih belum meluas. Oleh itu, kajian literatur berbentuk analisis kandungan ini memfokuskan kepada tugasan bahasa yang merangkumi perbincangan mengenai konsep, kerangka dan bentuk tugasan bahasa serta impaknya terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Dapatkan kajian ini dijangka memberi impak dalam pendidikan secara teori dan praktikal serta cadangan pelaksanaan kajian lanjutan pada masa hadapan.

Kata Kunci:

Pembelajaran Kosa Kata, Bahasa Arab, Tugasan Bahasa

Abstract:

Arabic education has now undergone a transition from a teacher-centered approach to a student-centered approach. This approach promotes active learning that enhances student interaction and direct involvement through assignments in the classroom. A task-based approach is one of the most effective methods that can be used to promote self-learning and language use in real-life contexts in the classroom, as well as have a positive effect on the individual's language mastery. However, issues such as weak vocabulary mastery, limited learning in the classroom, high dependence on teacher instructions are still found in the Arabic vocabularies learning, even discussion of task approaches in Arabic vocabulary in Malaysia is still not widespread. Therefore, this literature study in the form of content analysis focuses on language task that include discussions on the concept, framework and type of language tasks and their implications for learning Arabic vocabulary. The findings of this study are expected to have theoretical and practical implications in education as well as suggestions for conducting future research.

Keywords:

Vocabulary Learning, Arabic Language, Language Task

Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab di Malaysia mahupun luar negara telah melalui anjakan paradigma yang lebih tertumpu kepada penglibatan aktif pelajar di dalam bilik darjah. Penglibatan aktif pelajar merujuk kepada keinginan dan kesanggupan pelajar mengambil bahagian dalam proses pembelajaran bagi memperoleh maklumat untuk membangunkan keupayaan pemikiran kritis mereka (Miller et al., 2011). Hal ini sejajar dengan hasrat yang diketengahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu untuk melahirkan modal insan yang berfikiran kritis dan mempunyai kemahiran Abad ke-21 melalui pembelajaran bahasa Arab di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pembelajaran bahasa yang baik ialah pembelajaran yang menggalakkan tindak balas, penglibatan pelajar dan kebolehan pemikiran kritis pelajar.

Namun begitu, beberapa kajian mendapati bahawa segelintir guru bahasa Arab masih berpegang kepada pendekatan pengajaran berpusatkan guru (Ramlie, 2016; Albantani & Madkur, 2019) semata-mata. Walaupun mereka mempunyai pengetahuan yang baik tentang penggunaan pendekatan pengajaran yang pelbagai, namun mereka masih cenderung menggunakan pendekatan secara konvensional disebabkan olehkekangan tertentu seperti bilik darjah yang sesak, persekitaran bilik darjah, keperluan peperiksaan dan kesuntukan masa dalam menghabiskan sukanan pelajaran (Baghoussi, 2021). Di samping itu, pelajar pula didapati kurang meluangkan masa terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab dan meletakkan kebergantungan terhadap arahan guru di dalam bilik darjah (Ismail et al., 2016; Mat Nafi & Mat Teh, 2020).

Pengajaran kosa kata yang kurang berkesan dan memberangsangkan akan memberi impak yang negatif kepada penguasaan kosa kata pelajar. Hal ini dapat dilihat apabila penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar di peringkat menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi berada pada tahap penguasaan yang atas sahaja dan kurang memberangsangkan (Zurqoni et al., 2020; Rizan & Baharudin, 2021). Selain itu, pengajaran kosa kata yang kurang berkesan atau secara tradisional akan memberi kesan kepada kebolehan pelajar dalam menggunakan kosa kata secara praktikal (Fengyu, 2023) melalui tugas bahasa atau aktiviti yang dilaksanakan di dalam atau luar bilik darjah. Di samping itu, perbincangan dan kajian mengenai pembelajaran kosa kata Arab menerusi tugas bahasa masih belum meluas dalam konteks pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing di Malaysia.

Oleh itu, pendekatan efektif seperti pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar seperti pelaksanaan tugas bahasa atau aktiviti secara berkala di dalam bilik darjah boleh dilaksanakan untuk menggalakkan penglibatan aktif pelajar di dalam bilik darjah. “*Student-Centered Learner*” (SCL) atau pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan kaedah pengajaran yang tertumpu kepada peranan pelajar untuk mengambil alih pembelajaran mereka di dalam bilik darjah dengan bimbingan daripada guru. Ia merupakan satu pendekatan yang menggalakkan kesedaran pelajar serta mengaktifkan fungsi kognitif dan metakognitif pelajar. Pendekatan ini menggalakkan pelajar untuk mengaitkan kandungan pembelajaran di sekolah dengan pengetahuan dan pengalaman terdahulu dan melakukan refleksi kendiri terhadap pembelajaran secara beransur-ansur (American Psychological Association, 1997).

Peralihan pengajaran berpusatkan guru kepada pembelajaran berpusatkan pelajar boleh membawa kepada pencapaian yang lebih baik dan meningkatkan kesan positif dalam kalangan pelajar di mana pelajar dapat membina sendiri makna dan struktur maklumat melalui hubungan antara pengalaman lepas dan maklumat yang baru diperoleh di dalam bilik darjah (Al-Ansi, 2022). Dalam pembelajaran kosa kata, McCarten (2007) menggariskan antara elemen berkesan dalam membina kosa kata yang efektif ialah personalisasi iaitu pelajar dapat membina dan memahami sesuatu kosa kata secara kendiri sehingga dapat menjadikan kosa kata tersebut mudah diingati dan kekal dalam tempoh masa yang lama. Justeru, pembelajaran berpusatkan pelajar perlu diterapkan dalam proses pembelajaran kosa kata bahasa Arab melalui pelaksanaan tugas bahasa yang pelbagai dalam bilik darjah untuk memberi peluang kepada pelajar dalam memahami dan menggunakan kosa kata tertentu secara kendiri tanpa bergantung kepada arahan guru semata-mata. Oleh itu, kajian ini dikemukakan sebagai satu perbincangan komprehensif untuk membincangkan bentuk tugas bahasa yang berkesan dan impaknya terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

Kajian Literatur

Perbincangan kajian literatur dalam kajian ini merangkumi beberapa perbincangan utama iaitu konsep tugas bahasa serta kerangka tugas bahasa.

Konsep Tugasan Bahasa

Tugas dapat ditakrifkan sebagai sesuatu aktiviti yang perlu dilengkapkan oleh pelajar untuk mencapai hasil daripada maklumat yang diberikan melalui beberapa proses pemikiran, penilaian dan pemantauan (Prabhu, 1987). Pelaksanaan tugas bahasa atau aktiviti yang menarik akan mewujudkan suasana yang meningkatkan keinginan pelajar untuk mempelajari bahasa tersebut secara optimum. Berdasarkan Jin et al. (2018), pelajar lazimnya mempelajari


90% daripada apa yang telah dipraktikkan dan mereka hanya mempelajari 10% daripada apa yang telah dibaca dan didengar.

Tugasan bahasa memberi impak kepada pelajar dari segi meningkatkan harga diri, meningkatkan semangat belajar dalam bilik darjah, menggalakkan penyertaan dan mewujudkan keyakinan. Pelajar yang melibatkan diri dalam tugasan akan menjadi lebih kreatif, mengekalkan lebih banyak unsur bahasa yang mereka pelajari dan lebih cenderung untuk mengaplikasikan pembelajaran mereka di luar bilik darjah (Egele & Odion, 2019). Kajian Omar et al. (2020) menunjukkan bahawa pelajar lebih berkeyakinan tinggi dan bermotivasi ketika melakukan tugasan bahasa di dalam bilik darjah kerana berasa seronok dapat melakukan tugasan bersama rakan kelas mereka.

Kajian kualitatif Yudha dan Mandasari (2021) menggariskan bahawa penggunaan aktiviti seperti permainan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Inggeris adalah sangat menyeronokkan serta berkesan. Seramai 74% orang pelajar menyatakan bahawa pelaksanaan aktiviti seperti permainan mampu meningkatkan kosa kata kerana mereka dapat menggunakan imaginasi dan kreativiti semasa melakukan aktiviti di dalam bilik darjah secara bebas. Temu bual terbuka yang dilaksanakan dalam kajian Zurqoni et al. (2020) mendapati bahawa guru-guru bahasa Arab memberikan tugas bahasa yang pelbagai secara individu atau kolaboratif (berkumpulan) berdasarkan kemahiran membaca, menulis, atau menghafal kosa kata sebagai salah satu strategi dalam mengatasi kesukaran pembelajaran bahasa Arab.

Kerangka Tugasan Bahasa

Tugasan bahasa yang diketengahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kosa kata adalah berpandukan kepada kerangka Hipotesis beban penglibatan (*The involvement load hypothesis*) oleh Hulstijn dan Laufer (2001) yang merakamkan bahawa pengekalan perkataan baharu adalah bergantung kepada beban penglibatan sesuatu tugas iaitu keperluan (*need*), carian (*search*) dan penilaian (*evaluation*) bagi sesuatu tugas. Gabungan ketiga-tiga elemen ini boleh dirujuk sebagai penglibatan yang merupakan konstruk untuk menentukan kejayaan pelajar dalam pembelajaran kosa kata sebagaimana digambarkan oleh pengkaji dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Hipotesis Beban Penglibatan

Penerangan setiap elemen hipotesis beban penglibatan adalah seperti berikut:

1. Keperluan: Pelajar perlu mengetahui dan menggunakan perkataan tertentu bagi mencapai objektif pembelajaran seperti pemahaman petikan atau ucapan.
2. Carian : Percubaan untuk mencari maklumat yang diperlukan. Sebagai contoh, mencari makna perkataan yang tidak diketahui dalam kamus atau meneka.
3. Penilaian : Perbandingan perkataan atau maklumat tentang sesuatu perkataan dengan konteks penggunaan, memilih terjemahan perkataan bahasa pertama yang paling sesuai untuk melakukan tugas menulis bahasa sasaran, menentukan sama ada perkataan yang dipilih merupakan pilihan terbaik atau sebaliknya untuk melengkapkan tugas bahasa yang diberikan.

Beban penglibatan dalam sesebuah tugas dapat dilihat melalui elemen keperluan (perlu atau tidak perlu untuk menggunakan perkataan), elemen carian (mencari atau tidak mencari makna perkataan atau maklumat berkaitan) dan elemen penilaian (usaha atau tiada usaha dalam membandingkan, memilih dan menentukan perkataan dalam konteks tertentu). Sekiranya kesemua elemen digunakan dalam sesuatu tugas, maka beban penglibatan bagi tugas tersebut adalah tinggi, adapun beban penglibatan yang sederhana atau rendah hanya melibatkan elemen tertentu sahaja. Beberapa kajian mendapati bahawa pelajar cenderung untuk mempelajari lebih banyak perkataan daripada aktiviti dengan elemen beban penglibatan (*Involvement Load*) yang lebih tinggi berbanding dengan aktiviti beban penglibatan yang lebih rendah (Hulstijn & Laufer, 2001; Kolaiti & Raikou, 2017). Kajian Hulstijn and Laufer (2001) telah menetapkan enam kumpulan pelajar bahasa Inggeris kepada tiga tugas bahasa yang berbeza. Setiap kumpulan dikehendaki menyelesaikan tugas dengan tahap beban dan penglibatan mental yang berbeza: (1)Pemahaman bacaan dengan glosari (tiada beban penglibatan); (2) tugas pemahaman teks serta mengisi tempat kosong (beban penglibatan sederhana); dan (3) penulisan ayat (beban penglibatan yang kuat). Dapat kajian mendapati bahawa tugas ketiga adalah yang paling banyak penglibatan dan membawa kepada pengekalan yang lebih baik berbanding tugas yang lain. Sejajar dengan dapatkan ini, telah muncul beberapa perbincangan dan kajian seperti Jadual 1.

Jadual 1: Kajian Empiris Berkaitan Hipotesis Beban Penglibatan dalam Tugasan

Kajian	Peserta & konteks kajian	Tugasan bahasa	Dapatan kajian
Teng (2023)	270 orang pelajar / Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL)	1.Tugasan membaca + glosari 2.Tugasan membaca + mengisi tempat kosong 3.Tugasan membaca + penulisan ayat	Tugasan menulis ayat dengan perkataan sasaran dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran kosa kata.
Rabie- Ahmed & Mohamed (2022)	52 orang pelajar pemula bahasa Arab / Bahasa Arab sebagai bahasa asing (AFL)	1.Tugasan membaca + soalan pelbagai pilihan 2. Tugasan mengisi tempat kosong berdasarkan kosa kata yang sesuai	Kajian mendapati tugas bahasa yang dilaksanakan secara kolaboratif iaitu bersama rakan sekelas memberikan kesan yang kondusif terhadap

			pembelajaran kosa kata berbanding secara individu.
			-Tugasan yang diketengahkan dalam kajian ini iaitu tugas membaca dan soalan pelbagai pilihan menunjukkan bahawa beban kognitif ketika melakukan tugas ini secara individu mendapat markah lebih rendah berbanding ketika melakukan tugas ini secara kolaboratif.
			-Bagi tugas kedua, pelajar diminta untuk mengisi tempat kosong berdasarkan kosa kata yang sesuai. Markah indeks beban kognitif bagi keadaan kolaboratif lebih tinggi.
Qing & Salehuddin (2022)	30 orang pelajar Pengajian Bahasa Inggeris, Universiti Kebangsaan Malaysia / Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL)	1.Tugas membaca teks 2.Tugas mengisi tempat kosong 3.Tugas menulis ayat dengan perkataan sasaran	Pelajar yang melakukan tugas menulis ayat (beban penglibatan tinggi) menunjukkan pengekalan perkataan yang baik berbanding pelajar yang melakukan tugas pertama dan kedua.
Teng & Zhang (2021)	120 orang pelajar universiti berbangsa Cina / Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL)	(1) Tugas membaca (2) Tugas membaca + mengisi tempat kosong (3) Tugas membaca + menulis (4) Tugas membaca + menulis + menggunakan kamus digital	Keputusan menunjukkan bahawa kumpulan pelajar yang menyelesaikan tugas membaca + menulis dengan penggunaan kamus digital menunjukkan prestasi terbaik dalam memperoleh pengetahuan kosa kata yang reseptif dan produktif kerana tugas ini mempunyai beban penglibatan yang sangat tinggi berbanding tugas membaca sahaja.
Taheri et al., (2021)	78 orang pelajar daripada institut bahasa Tehran, Iran / Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL)	1.Tugas membuat ayat 2.Tugas meringkaskan teks 3.Tugas meramalkan pengakhiran cerita yang tidak lengkap	Tugas penulisan ayat memberi impak kepada pemerolehan kosa kata baru namun tidak memberi kesan kepada pengekalan yang lama. - Tugas meramal jalan cerita mempunyai beban penglibatan yang tinggi kerana memerlukan

			pelajar untuk melakukan penilaian (<i>evaluation</i>) yang lebih kukuh berbanding dengan dua tugas yang lain.
Kıvrak & Gökmen (2020)	236 orang pelajar Turki / Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL)	1.Tugasan membaca 2.Tugasan menonton 3.Tugasan isi tempat kosong + membaca 4.Tugasan isi tempat kosong + menonton 5.Tugasan menulis ayat + membaca 6. Tugasan menulis ayat + menonton	-Tugasan penulisan ayat dan membaca dilihat dapat meningkatkan lebih banyak perolehan dan pengekalan kosa kata dalam kalangan pelajar peringkat pertengahan rendah. -Kosa kata lebih banyak diperoleh oleh pelajar pertengahan atas apabila menggunakan input audiovisual. Hal ini demikian kerana, input audiovisual menghasilkan pengetahuan perkataan yang lebih produktif dalam tugas menulis ayat, manakala input bertulis membawa kepada pengekalan kosa kata yang lebih produktif ketika tugas mengisi tempat kosong.
Mohamed (2016)	53 orang pelajar berbahasa Inggeris / Bahasa Arab sebagai bahasa asing (AFL)	1. Tugasan pemahaman teks Arab 2.Tugasan mengisi tempat kosong 3.Tugasan menulis ayat bahasa Arab	-Kesan utama tugas iaitu tugas menulis ayat bahasa Arab menghasilkan kadar yang tertinggi dalam penguasaan kosa kata, diikuti dengan tugas mengisi tempat kosong dan akhirnya tugas pemahaman teks Arab.
Hazrat (2015)	39 orang pelajar universiti Tehran Payame-Noor / Bahasa Arab sebagai bahasa asing (AFL)	1.Tugasan membaca: bulatkan jawapan terbaik pada petikan bacaan 2. Tugasan menulis: menulis ayat 3. Tugasan bertutur: sebut ayat	-Tugasan menulis dan membaca adalah lebih berkesan untuk pembelajaran kosa kata jangka pendek daripada tugas bertutur. - Tugasan menulis dilihat sebagai pilihan terbaik untuk mengekalkan perkataan dalam tempoh yang lebih lama (sekurang-kurangnya 3 minggu selepas pembelajaran).

Berdasarkan dapatan kajian lepas, tugas menulis mempunyai beban penglibatan yang tinggi kerana pelajar perlu menggunakan perkataan (keperluan), mencari makna atau maklumat berkaitan perkataan tersebut (carian) serta perlu memilih dan menentukan perkataan yang sesuai dalam membentuk ayat yang lengkap dalam bahasa asing (penilaian)

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif yang melibatkan kajian kepustakaan melalui analisis dokumen seperti artikel daripada kajian-kajian lepas bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai bentuk tugas bahasa dan impaknya dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Artikel yang dipilih adalah dari pangkalan data *Google Scholar* bermula tahun 2015 sehingga 2023 sahaja. Kata kunci yang digunakan semasa proses pencarian artikel ialah “beban penglibatan”, “tugas bahasa”, “pembelajaran kosa kata”, “involvement load hypothesis”, dan “vocabulary learning”. Seterusnya, maklumat yang diperoleh melalui pencarian ini dikumpulkan, disaring serta dianalisis berdasarkan teknik analisis kandungan.

Dapatan Dan Perbincangan

Bentuk Tugas Bahasa Dan Impaknya Dalam Pembelajaran Bahasa

Tugas bahasa yang relevan dan berkesan perlu dilaksanakan di dalam bilik darjah bagi memberi peluang kepada pelajar untuk menerapkan strategi yang telah dilatih dalam tugas bahasa mereka. Tugas yang pelbagai dengan beban penglibatan tinggi perlu diterapkan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab untuk menjadikan pembelajaran lebih efektif khususnya bagi pengekalan kosa kata dalam tempoh yang lama. Beberapa kajian lepas telah merakamkan aktiviti yang melibatkan beban penglibatan yang berbeza. Berdasarkan kajian-kajian tersebut, aktiviti yang boleh dicadangkan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab disenaraikan seperti Jadual 2 dengan mengaitkan elemen hipotesis beban penglibatan yang terlibat.

Jadual 2: Aktiviti Dan Maklumat Beban Penglibatan

Sumber aktiviti	Aktiviti	Keperluan (Need)	Carian (Search)	Penilaian (Evaluation)	Beban penglibatan
Laufer & Hulstijn (2001); Teng & Zhang (2021)	‘Madlibs’ membaca dan mengisi tempat kosong	Perkataan bahasa Arab diperlukan untuk memahami teks	Perlu mencari makna perkataan perkataan untuk membina ayat	Perlu memilih dan menentukan perkataan dalam konteks teks yang diberikan	Sederhana Tinggi
Kıvrak & Gökmen (2020)	Membina ayat berdasarkan ayat atau gambar yang diberikan	Perkataan bahasa Arab diperlukan untuk membina ayat	Perlu mencari makna dan maklumat berkaitan untuk membina ayat	Mengenal makna melakukan tugas dan juga menilai sama ada mereka telah menggunakan perkataan yang betul berdasarkan konteks yang betul	Tinggi
Taheri et al. (2021)	Melengkapkan cerita	Perkataan bahasa Arab diperlukan untuk	Tidak perlu mencari makna perkataan atau	Meramalkan jalan cerita yang sesuai, menentukan perkataan dan menilai sama ada mereka telah	Tinggi

		memahami cerita	maklumat berkaitan kerana glosari disediakan	menggunakan perkataan yang betul berdasarkan jalan cerita yang betul	
Omar et al. (2020)	Lakon-peranan (<i>role-play</i>) Menulis ayat dan bertutur	Perkataan bahasa Arab diperlukan untuk membina teks dan bertutur	Perlu mencari makna dan maklumat berkaitan secara mendalam untuk membina dan faham situasi	Menentukan makna perkataan yang tidak diketahui dan menggabungkannya dengan perkataan yang diketahui dalam konteks baharu untuk membentuk skrip	Tinggi

Pelaksanaan aktiviti yang mempunyai beban penglibatan yang tinggi dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab mampu memberi kesan kepada pengekalan kosa kata, pengetahuan kosa kata (Taheri et al., 2021), metakognitif dan penglibatan yang tinggi dalam pembelajaran (Teng & Zhang, 2021). Aktiviti *Mad Libs* ialah sebuah aktiviti mengisi tempat kosong (Price & Stern, 1974) untuk melengkapkan sebuah cerita yang lengkap. Lazimnya, pelajar perlu pengetahuan terhadap makna, perlu mencari makna secara literasi dengan merujuk kamus sebelum berupaya memilih dan menentukan perkataan yang sesuai dengan konteks teks yang diberikan.

Tugasan binaan ayat berdasarkan perkataan atau gambar merupakan sebuah tugas yang sering dilaksanakan dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Pembinaan ayat berdasarkan perkataan merupakan salah satu tugas yang mempunyai beban penglibatan yang tinggi kerana memerlukan pengetahuan pelajar untuk membina ayat. Kemudian, bagi perkataan yang tidak diketahui, pelajar perlu mencari makna dan maklumat berkaitan dalam kamus untuk membina ayat. Seterusnya, pelajar perlu mengenal pasti makna untuk membina ayat bahasa Arab dan juga menilai sama ada mereka telah menggunakan perkataan yang betul berdasarkan konteks yang sebenar. Dapatan kajian mod campuran kualitatif dan kuantitatif Taga dan Kalenderoğlu (2022) ke atas 75 orang pelajar daripada kumpulan eksperimen (kumpulan yang mendapatkan pengajaran kosa kata secara langsung daripada guru) dan kawalan mendapati bahawa pengajaran kosa kata yang diikuti dengan tugas menulis adalah lebih berkesan terhadap pembelajaran kosa kata. Pelajar daripada kumpulan eksperimen didapati mampu menggunakan kosa kata sasaran ke dalam latihan menulis di luar bilik darjah. Mereka juga mampu membina dan menggunakan kosa kata mengikut konteks yang pelbagai melalui tugas menulis berbanding kumpulan yang menggunakan kaedah tradisional seperti penggunaan kamus dalam mempelajari makna kosa kata baharu.

Tugasan melengkapkan cerita merupakan salah satu tugas yang mempunyai beban penglibatan yang tinggi kerana pelajar memerlukan perkataan bahasa Arab untuk memahami cerita, adapun begitu pelajar tidak perlu mencari makna perkataan atau maklumat berkaitan kerana glosari disediakan dan pelajar perlu meramalkan jalan cerita yang sesuai, menentukan perkataan dan menilai sama ada mereka telah menggunakan perkataan yang betul berdasarkan jalan cerita yang betul. Tugasan ini sesuai dilaksanakan secara berkumpulan kerana tugasan

menulis secara kolaboratif mempunyai kesan positif dalam meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab dalam konteks bahasa kedua (Alwaleedi et al., 2018).

Kajian lepas yang dijalankan oleh Omar et al. (2020) menunjukkan bahawa tugasan bahasa melalui aktiviti pembelajaran bahasa interaktif memberikan impak yang positif terhadap diri dan pembelajaran bahasa di mana seramai 82% orang pelajar bersetuju bahawa aktiviti ini dapat meningkatkan keyakinan mereka dalam penggunaan bahasa bersama rakan mereka. Antara aktiviti pembelajaran bahasa interaktif yang boleh dijalankan di dalam bilik darjah seperti lakon peranan (*role-play*), penyelesaian masalah dan perbincangan berkumpulan. Aktiviti lakon-peranan merupakan salah satu aktiviti yang menggunakan beban penglibatan yang tinggi di mana pelajar perlu menyediakan skrip lakonan dan melakonkan skrip tersebut. Pelajar memerlukan perkataan bahasa Arab untuk membina ayat dengan mudah dan perlu mencari makna dan maklumat berkaitan perkataan yang diberikan secara terperinci untuk membolehkan pelajar menentukan makna perkataan yang tidak diketahui dan menggabungkannya dengan perkataan yang diketahui dalam konteks baharu untuk membentuk sebuah skrip yang mudah.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tugasan bahasa yang pelbagai membolehkan pelajar untuk mempelajari makna dan ciri penggunaan sesuatu kosa kata dengan lebih baik, dapat meningkatkan minat dan menjadikan pembelajaran kosa kata bahasa Arab pelajar lebih bermakna.

Kesimpulan

Tugasan bahasa merupakan satu alternatif yang boleh digunakan oleh guru atau pembimbing kepada pelajar bahasa dalam mengaplikasikan kosa kata yang telah dipelajari untuk meningkatkan empat kemahiran berbahasa serta meningkatkan kesedaran terhadap pembelajaran dan strategi yang bersesuaian dalam menyempurnakan sesuatu tugasan bahasa. Guru digalakkan untuk mengintegrasikan tugasan bahasa yang pelbagai dan bersesuaian ke dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) kosa kata Arab kerana ia merupakan salah satu pendekatan pengajaran yang dilihat berkesan dalam mengaktifkan kognitif dan kesedaran pelajar terhadap pembelajaran kosa kata Arab sehingga menjadikan mereka lebih berautonomi. Pembelajaran kosa kata bahasa Arab yang efektif dan berkesan dapat dicapai apabila pelajar dapat menggunakan sesuatu kosa kata secara kendiri dan bebas tanpa terikat kepada arahan guru atau bantuan kamus semata-mata.

Guru pula boleh merancang pelaksanaan pelbagai tugasan bahasa untuk memberi peluang pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran dan meluaskan peluang komunikatif pelajar dalam bahasa sasaran. Dari segi penyediaan tugasan bahasa yang efektif, bentuk tugasan bahasa dengan beban penglibatan boleh dipelbagaikan dari segi penerapan kemahiran berbahasa tertentu atau bilangan individu yang terlibat dalam sesuatu tugas. Tahap kesukaran yang berbeza bermula dengan senang kepada sederhana seterusnya sukar bagi sesuatu perancangan tugasan dapat memberi cabaran dan peluang kepada pelajar untuk mempelajari kemahiran dan maklumat baharu. Justeru, kajian ini dilihat membuka ruang perbincangan yang lebih luas mengenai pendekatan pengajaran melalui tugasan bahasa dalam kalangan pengkaji dan guru di samping memberikan satu impak yang positif kepada perkembangan pembelajaran bahasa Arab. Bagi kajian susulan, sebuah kajian empirikal mengenai jenis tugasan bahasa berdasarkan kemahiran berbahasa serta tugasan bahasa secara atas talian berdasarkan hipotesis

beban penglibatan diperlukan untuk membantu peningkatan dan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar di Malaysia.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Ruj: FRGS/1/2022/SS109/UITM/03/1). Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti Teknologi MARA kerana menyokong penyelidikan ini.

Rujukan

- Al-Ansi, A. M. (2022). Reinforcement of student-centered learning through social e-learning and e-assessment. *SN Social Sciences*, 2, 194. <https://doi.org/10.1007/s43545-022-00502-9>
- Albantani, A & Madkur, A. (2019). Teaching Arabic in the era of industrial revolution 4.0 in Indonesia: Challenges and opportunities. *ASEAN J. Community Engagement*, 3(2), 197-213. <https://doi.org/10.7454/ajce.v3i2.1063>
- Alwaleedi, M. A., Gillies, R. M., & Hamid, M. O. (2018). Collaborative writing in Arabic as a second language (ASL) classrooms: A mixed-method study. *Language, Culture and Curriculum*, 32(2), 157–172. <https://doi.org/10.1080/07908318.2018.1521422>.
- Baghoussi, M. (2021). Teacher-centered approach prevalence in Algerian secondary-school EFL classes: The case of English teachers and learners in Mostaganem District. *Arab World English Journal (AWEJ)*, 12(2), 268-278. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3892955>
- Fengyu, Z. (2023). The impact of vocabulary learning methods on students' vocabulary application skills. *English Language Teaching and Linguistics Studies*, 5, 206. <https://doi.org/10.22158/eltls.v5n4p206>.
- Hazrat, M. (2015). The effects of task type and task involvement load on vocabulary learning. *Waikato Journal of Education*, 20(2), 79-92. <https://doi.org/10.15663/wje.v20i2.189>
- Hulstijn, J. & Laufer, B. (2001). Incidental vocabulary acquisition in a second language: The construct of task-induced involvement. *Applied Linguistics*, 22, 1-26. <https://doi.org/10.1093/applin/22.1.1>
- Ismail, M. Z., Bakar, K. A., Mustapha, N. F. N., & Rouyan, N. M. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab pada kalangan pelajar cemerlang. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 47–68. <http://dx.Doi.org/10.21315/apjee2016.31.4>
- Jin, G., Tu, M., Kim, T-H., Heffron, J., & White, J. (2018). Evaluation of game based learning in cybersecurity education for high school students. *Journal of Education and Learning*, 12(1), 150-158. <https://doi.org/10.11591/edulearn.v12i1.7736>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kıvrak, C., & Gökmən, D. U. (2019). The effects of task-induced involvement load and input modality on incidental vocabulary learning. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 15(4), 1355-1375. <https://doi.org/10.17263/jlls.668478>
- Kolaiti, P., & Raikou, P. (2017). Does deeper involvement in lexical input processing during reading tasks lead to enhanced incidental vocabulary gain?. *Studies in English Language Teaching*, 5, 406-428. <https://doi.org/10.22158/selt.v5n3p406>.
- McCarten, J. (2007). *Teaching vocabulary: Lessons from the corpus, lessons for the classroom*. New York: Cambridge University Press.

- Miller, R. L., Rycek, R. F., & Fritson, K. (2011). The effects of high impact learning experiences on student engagement', *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. Elsevier B.V., 15, 53–59. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.03.050>
- Mohamed, A. (2016). Task-based incidental vocabulary learning in L2 Arabic: The role of proficiency and task performance. *Journal of the National Council of Less Commonly Taught Languages*, 18, 121-157. <https://doi.org/10.10117/issn.1930-9031.2015.03.08>
- Nafi, L. M ., & Teh, K. S. M. (2020). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab berdasarkan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan mahasiswa di Kelantan. *Jurnal KIAS*, 13(1), 67 - 89.
- Omar, S. F., Nawi, H. S. A., Shahdan, T. S. T., Mee, R. W. M., Pek, L. S., & Yob, F. S. C. (2020). Interactive language learning activities for learners' communicative ability. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 9(4), 1010–1016. <https://doi.org/10.11591/IJERE.V9I4.20605>
- Prabhu, N. S. (1987). *Second language pedagogy*. Oxford: Oxford University Press.
- Prince, P., & Stern, L. (1974). *The original #1 Mad Libs: World's greatest word game*. 1st ed . United States: Penguin Random House LLC.
- Putri, W.M & Nugraha, S.I. (2022). Benefits and challenges of task-based language teaching (TBLT) on vocabulary learning. *Jurnal Pendidikan dan Konseling*, 4(4), 5662-5668.
- Qing, S.S., & Salehuddin, K. (2022). English vocabulary acquisition among high proficiency ESL students from the perspective of involvement load hypothesis. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(5), 1-13. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/500>
- Rabie-Ahmed, A. & Mohamed, A. (2022). Collaborative and individual vocabulary learning in the Arabic classroom: The role of engagement and task demands. *Foreign Language Annals*, 55(4), 1006-1024. <https://doi.org/10.1111/flan.12636>
- Ramlie, H @ A., Hussin, Z., Siraj, S., Jamil, M. R. M., Safar, A. A., & Marzuki, N. (2016). Keperluan profesionalisme guru pendidikan islam (GPI) dalam aspek pengajaran. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 3(3), 85-109.
- Richards, J., & Rodgers, T. (2001). *Approaches and methods in language teaching* . New York: Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511667305.021>
- Rizan, N. A. M., & Baharudin, H. (2021). Tahap pengetahuan kosa kata dan pencapaian kemahiran bertutur bahasa Arab Pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Selangor. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 42–53.
- Tağa, T. & Kalenderoğlu, I. (2022). Effect of vocabulary instruction integrated with writing exercises on word learning, retention, and awareness. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 10, 81-90. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.10n.4p.81>
- Taheri, S., Rezaie Golandouz, G., & Ntim, C. G. (2021). The effect of task type on EFL learners' acquisition and retention of vocabulary: An evaluation of the involvement load hypothesis. *Cogent Education*, 8(1), 1-21. <https://doi.org/10.1080/2331186.2021.1915226>
- Teng, M. F., & Zhang, D. (2021). Task-induced involvement load, vocabulary learning in a foreign language, and their association with metacognition. *Language Teaching Research*, 28(2), 531-555. <https://doi.org/10.1177/13621688211008798>
- Teng, M. F. (2023). Exploring self-regulated vocabulary learning strategies, proficiency, working memory and vocabulary learning through word-focused exercises. *The Language Learning Journal*, 1–18. <https://doi.org/10.1080/09571736.2023.2267575>

- Tryadi, J., Manik, S., & Pasaribu, A. N. (2021). The effect of using task based language teaching in teaching speaking virtually for the seventh grade students of Methodist-2 Medan. *International Journal of Educational Research & Social Sciences*, 2(4), 938–942. <https://doi.org/10.51601/ijersc.v2i4.144>
- Yudha, H., & Mandasari, B. (2021). The analysis of game usage for senior high school students to improve their vocabulary mastery. *Journal of English Language Teaching and Learning*, 2, 74–79. <https://doi.org/10.33365/jeltl.v2i2.1329>
- Zaini, A.R., Zakaria, N., Hamdan, H., Redzaudin, M., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47–57.
- Zhang, H. W., Li, J., Jiao, L. P., Ma, W. L., & Guan, C. (2016). The adjustment and effects of vocabulary teaching strategies in flipped classroom. *Creative Education*, 7, 1966–1973. <https://doi.org/10.4236/ce.2016.714199>
- Zurqoni, R.H., Rahmatullah. S., Djidu. H., & Apino, E. (2020). Has Arabic language learning been successfully implemented?. *International Journal of Instruction*, 13(4), 715–730. <https://doi.org/10.29333/iji.2020.13444a>
- Zyngier, D. (2008). (Re)conceptualising student engagement: Doing education not doing time. *Teaching and Teacher Education*, 24(7), 1765–1776. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2007.09.004>